

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	19/11/2019	MUKA SURAT : 50
JABATAN	:	SPAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Syor Jawatankuasa kaji isu air Malaysia, Singapura

Setiap kerajaan dalam dunia termasuk Malaysia memiliki hak untuk mengkaji semula perjanjian dibuat dan ini termasuk perjanjian bekalan airnya yang sudah lama dibuat dengan Singapura.

Kajian terhadap perjanjian air ini perlu dilakukan kerana ia dilihat terlalu murah serta merugikan Malaysia pada masa kini. Ini susulan kenyataan beberapa kali Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Langkah ingin diambil Perdana Menteri amat wajar kerana harga air dibayar Singapura kepada Malaysia terlalu kecil, serta tidak sesuai dengan keadaan masa kini.

Perlu diketahui, air kini sudah menjadi satu komoditi penting bukan sahaja di Malaysia, malah serata dunia.

Dengan perubahan cuaca di seluruh dunia, air sudah menjadi bahan amat bernilai. Oleh itu, amat wajar jika be-

kalan penting ini dibayar mengikut keadaan dan suasana semasa, sesuai dengan nilai sebenar air berkenaan.

Isu bekalan air Malaysia ke Singapura merujuk kepada perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Singapura.

Bekalan air ke Singapura sentiasa menjadi beban politik kepada Malaysia buat sekian lama, kerana ia dianggap menguntungkan Singapura dari banyak segi.

Mengulas hasrat Dr Mahathir dalam perkara ini, jurucakap Kementerian Hal Ehwal Luar Singapura pula pada tahun lalu menyatakan bahawa kedua-dua negara mesti 'mematuhi sepenuhnya' syarat Perjanjian Air 1962 dan Perjanjian Pemisahan 1965.

Untut rekod, Singapura menandatangani tiga perjanjian dengan Johor iaitu Perjanjian Hak Air pada 1977, Perjanjian Air pada 1961 dan Perjanjian Air

pada 1962.

Mengikut perjanjian semasa, Malaysia membekalkan Singapura dengan 250 juta galen air mentah setiap hari pada kadar 3 sen setiap 1,000 galen.

Malaysia kemudian membeli semula sebahagian bekalan itu pada kadar 50 sen setiap 1,000 galen.

Seperti juga Singapura, Malaysia sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat mem-

punyai segala hak untuk melihatkan dan mengkaji kembali segala perjanjian yang dibuat dengan Singapura.

Bukanlah satu dosa atau kesalahan besar untuk Kerajaan Malaysia melihat dan mengkaji kembali perjanjian air yang sudah lama dibuat itu, demi mendapatkan keadilan dan hak sama rata kedua-dua pihak.

Dalam sesuatu kontrak atau perjanjian, kemungkinan wujud klausa atau peruntukan tertentu yang membenarkan satu proses semakan dibuat dengan mengambil kira keadaan semasa pada masa kini yang sudah berubah, berbanding keadaan lebih 50 tahun dahulu.

Bagi mengkaji semula perjanjian air yang dibuat itu, disarankan Kerajaan Malaysia mendapatkan semua salinan perjanjian air yang dibuat dengan Singapura lebih setengah abad lalu serta menyerahkannya kepada pejabat peguam negara untuk dikaji

sedalam-dalamnya.

Ini penting agar dapat dikenal pasti sebarang ruang atau peluang bagi Kerajaan Malaysia menilai semula perjanjian air yang sudah ketinggalan zaman berkenaan dari sudut perundangan.

Kerajaan juga boleh mewujudkan jawatankuasa khas bagi mengkaji perjanjian air yang lama dibuat ini. Ia boleh ditanggotai pakar perundangan kontrak seperti peguam dan ahli akademik.

Namun, paling penting perjanjian dibuat perlulah adil dan saksama dengan adanya situasi 'menang-menang' antara Malaysia dan Singapura.

Laungan sama patut juga digunakan dalam isu perjanjian bekalan air yang sudah ketinggalan zaman ini.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan, Universiti
Sains Islam Malaysia (USIM)



Kajian terhadap perjanjian air ini perlu dilakukan kerana ia dilihat terlalu murah serta merugikan Malaysia pada masa kini.